

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JUN 2022
AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6

Tiada rakyat miskin tegar selepas 2025

Tiada rakyat miskin tegar selepas 2025



MUSTAPA Mohamed (kiri) menemubual ketua isi rumah kumpulan miskin tegar di Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok, Bachok, Kota Bharu, Kelantan, semalam. - MINGGUAN/TOREK SULONG

BACHOK: Program Pembasmi Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) yang dilaksanakan secara rintis bermula bulan ini melibatkan 80 lokaliti di seluruh negara.

Program bertujuan mencapai kemiskinan tegar sifar pada akhir tahun 2025 ini melibatkan kira-kira 3,000 ketua isi rumah (KIR) miskin tegar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, sebanyak 26 lokaliti dengan kos berjumlah kira-kira RM6.7 juta diperakurkan kelulusan perbelanjaan bagi pelaksanaan peringkat permulaan.

Menurutnya, program akan dilaksanakan dengan aktiviti penjanjaya pendapatan yang merangkumi bidang perniagaan dan pekerjaan melibatkan keluarga miskin tegar yang disenaraikan dalam data e-Kasih.

"Peserta terlibat akan diberikan peralatan berkaitan serta menjalani latihan berbentuk 'soft-skill' seperti keusahawa-

nan, pemasaran dan pengurusan kewangan serta pembangunan minda.

"Peserta yang mencebur biadang pekerjaan akan melalui proses pemadaman pekerjaan berserta latihan dalam kerja (*on-job training*) setelah menjalani latihan berbentuk 're-skill' dan 'up-skill' selaras dengan ekspektasi majikan," katanya selepas Program BMTKM peringkat daerah Bachok di Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok, di sini semalam.

Program peningkatan pendapatan di Bachok melibatkan 55 KIR miskin dengan kos yang dipohon berjumlah RM378,000 untuk pelaksanaan perusahaan perniagaan kek, kuih muih dan masakan panas serta bantuan alatan untuk nelayan.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata, peserta program akan dipantau dan dibimbing pasukan penyelaras sehingga berjaya menjana pendapatan dan keluar dari senarai kemiskinan tegar.